

# IPT harus kekalkan kecemerlangan modal insan: Pairin

NST 07.11.2012 4

OLEH BALQIS JAMALUDIN  
balqis@newsabah-times.com.my

**KOTA KINABALU:** Institusi pengajian tinggi harus memainkan peranan penting dalam memupuk dan mengekalkan kecemerlangan modal insan di negara ini, kata Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan.

Katanya, ilmu pengetahuan kini bukan hanya diperolehi dalam sesebuah institusi sahaja malah ianya boleh menjangkaui sempadan geografi dan institusi.

“Proses ini dinamakan ‘penggunaan perkhidmatan digital’ (Consumerisation of Digital Services) dengan melibatkan individu yang mempunyai kemahiran dan komited dalam inovasi pengeta-

han,” kata Pairin yang juga Menteri Pembangunan Infrastruktur ketika berucap sempena meraasmikan South-East Asian Association for Institutional Research Conference (SEAAIR) 2012, di sini, kelmarin.

“Dalam mencapai kecemerlangan di peringkat pengajian tinggi, cabaran dari segi ekuiti, kualiti, kesesuaian, pemilikan dan jaringan antarabangsa perlu dihadapi.

“Dengan itu, Kerajaan Malaysia telah menjalankan pelbagai pendekatan proaktif dalam mencipta jenama antarabangsa untuk pengajian tinggi di negara ini,” katanya.

Katanya, salah satu daripada pendekatan ini adalah memupuk kerjasama antara Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE), Kementerian Sumber Manusia, Institusi-insti-

tusi pengajian swasta dan agensi Kerajaan yang lain dalam meningkatkan sumber tenaga manusia.

Dalam memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti berada di tahap yang tinggi, MOHE mensasarkan sebanyak 75 peratus kakitangan akademik dalam penyelidik di universiti dan 60 peratus kakitangan akademik bergelar Doktor Falsafah (pemegang Ph.D).

“Skim Latihan Akademik juga telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti kakitangan universiti.”

“Selain itu, pada April 2010, Majlis Profesor Negara (MPN) yang dibahagikan kepada 14 kluster telah diperkenalkan untuk bertindak sebagai penasihat kepada Dasar Negara,” katanya.

Kerajaan juga telah melancarkan program MyBrain15



RASMI ... Pairin memukul gong sebanyak tiga kali sebagai simbolik perasmian SEAAIR 2012, sambil disaksikan oleh tetamu yang lain.

yang bermatlamat untuk melahirkan 60,000 pemegang Ph.D menjelang tahun 2020, katanya.

Kesemua program penyelidikan dan inovasi itu dijalankan untuk memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi negara sekaligus mewujudkan satu jenama pendidikan di Malaysia.

Sementara itu, SEAAIR 2012 yang berlangsung dari 6 hingga 8 November itu telah menerima lebih 100 delegasi yang terdiri daripada ahli-ahli

akademik universiti tempatan dan luar negara.

Menurut Pairin, SEAAIR 2012 yang bertemakan ‘Mem budayakan Pendidikan Tinggi Bertaraf Dunia di Asia (Culturalizing World Class Higher Education in ASEAN) itu diadakan pada masa yang tepat dan sesuai kerana ianya dapat menyumbang kepada sektor pelancongan Sabah memandangkan delegasi-delegasi persidangan ini juga datang dari negara Eropah dan Timur

Tengah selain menyumbang kepada inovasi pendidikan di peringkat pengajian tinggi.

Persidangan yang dianjurkan oleh Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Shahril Yusof selaku mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Harun Abdullah dan Presiden SEAAIR 2012, Assoc Prof Dr Teay Shawyun.